

PPM TAHAN 3 LELAKI BAWA LEBIH 1,000 LITER PETROL

April 12, 2020



Oleh ARDYHANSAH AMAT

SEMPORNA: Tiga lelaki ditahan ketika membawa 1,160 liter minyak petrol di perairan Tanjung Menimpa, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian antarapop 11.30 pagi hingga 12 tengah hari, semua suspek berumur 26 hingga 40 tahun itu ditahan secara berasingan masing-masing menaiki bot di lokasi kejadian.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali berkata, terdahulu pihaknya menerima maklumat berhubung aktiviti berkenaan di situ.

"Hasil pemantauan yang dilakukan, pihaknya menemukan tiga individu menaiki tiga bot berasingan bergerak dalam keadaan mencurigakan dipercayai dalam perjalanan ke negara jiran

"Sejurus ditahan, anggota bertugas menemui minyak petrol berkenaan yang disimpan dalam jerikin," katanya.

Menurut Mohamad Pajeri, semua suspek gagal menunjukkan sebarang dokumen kebenaran pemilikan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) sekali gus menguatkan dakwaan aktiviti penyeludupan yang dilakukan.



“Sehubungan itu, semua barangan yang dianggarkan bernilai lebih RM40,000 dirampas bagi membantu siasatan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan yang memperuntukkan hukuman denda RM1 juta dan penjara tiga tahun bagi setiap suspek,” katanya.

<https://www.borneotoday.net/ppm-tahan-3-lelaki-bawa-lebih-1000-liter-petrol/>